

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 MARCH 2015

Dr. M kritik 1MDB dalam wawancara bersama pengasas *Sarawak Report*

Um-22/3/2015

KUALA LUMPUR 21 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini diwawancara oleh Clare Rewcastle Brown, seorang wartawan penyiasatan United Kingdom (UK) yang merupakan pengasas dan pengarang portal berita *Sarawak Report* yang kritikal terhadap kerajaan Malaysia.

Brown yang dilahirkan di Sarawak oleh pasangan British, terkenal dengan laporan yang mengkritik kerajaan negeri Sarawak sewaktu era bekas Ketua Menteri, Tun Abdul Taib Mahmud.

Dalam wawancara bersama Dr. Mahathir, Brown menekankan penolakan bekas Perdana Menteri itu terhadap syarikat pembangunan strategik 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dan isu-isu berkaitannya.

Wawancara itu dibuat selepas kerajaan mengarahkan Ketua Audit Negara menjalankan audit bebas ke atas akaun 1MDB.

Dalam wawancara pada 14 Mac lalu itu, Dr. Mahathir berkata beliau tidak berpuas hati dengan pengumuman terbaharu 1MDB bahawa dana AS\$2.32 bilion yang diletakkan di Kepulauan Cayman telah ditebus sepenuhnya.

Beliau juga mempersoalkan dana berbilion ringgit yang dilabur-

kan dalam syarikat cari gali Petro-Saudi International.

Dr. Mahathir juga menuntut supaya firma pelaburan strategik itu mendedahkan 'di manakah' dana itu berada.

"Penjelasan yang dibuat tidak memberi pencerahan tentang apa-apa. Saya ingin tahu di bank mana wang itu disimpan sekarang. Satu bilion dolar, anda mesti menyimpannya di suatu tempat.

"Saya tidak tahu di mana wang itu - yang merupakan sebahagian daripada ketelusan," beliau dipetik sebagai berkata.

Dr. Mahathir juga tidak percaya bahawa 1MDB akan memberi manfaat kepada negara dalam apa-apa cara dan mendakwa kerajaan

'memperjudikan wang dalam dana lindung nilai'.

"Saya tidak fikir ia memberikan apa-apa fungsi. Itulah perbezaan (pendapat) saya dengan kerajaan. Saya tidak fikir kita memerlukan dana seperti ini.

"Kita sudah melakukan dengan cukup baik tanpa dana...pertamanya, mereka mendapat wang untuk dipinjamkan kepada orang Arab Saudi dan mereka memasukkannya ke dalam dana lindung nilai. Kerajaan tidak perlu memperjudikan wang dalam dana lindung nilai," katanya.



DR. MAHATHIR